

Generasi muda jahil, dangkal ilmu mudah dihasut dan terperangkap pemikiran jumud - PM

Oleh [Rosman Shamsudin](#) - Disember 21, 2023 @ 3:59pm

bhnews@bh.com.my



TANJUNG MALIM, 21 Dis -- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika hadir merasmikan Anugerah Buku Negara dan Sesi Temu Anwar di Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim hari ini.

TANJUNG MALIM: Kejahilan atau kedangkalan ilmu terutama dalam kalangan generasi muda memungkinkan mereka dihasut dengan mudah oleh pihak yang mempunyai kepentingan tertentu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, disebabkan kecacatan ilmu, ada di antara mereka akan menerima apa sahaja pandangan dibawa pihak tertentu seterusnya terperangkap dalam pemikiran jumud itu.

"(Bila) Ilmu kita sedikit, orang kata kalau tidak buat ini masuk neraka, kita pun tanya betul ke? Kerana ilmu kita terlalu dangkal, mahu menyoal tambah tak berani, jadi akhirnya kita terperangkap dalam pemikiran kolot dan jumud serta menghukum orang lain secara semberono," katanya ketika merasmikan Anugerah Buku Negara 2023 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir dan Pengerusi Lembaga Pengelola Yayasan Pembangunan Buku Negara, Tan Sri Prof Abdul Latiff Abu Bakar.

Berucap di hadapan kira-kira 5,000 mahasiswa UPSI, Anwar berkata justeru itu, untuk menambah ilmu pengetahuan terutama dalam kalangan mahasiswa dan generasi muda, mereka harus menyemai tabiat membaca buku-buku bagi meningkatkan dan menguasai ilmu termasuk perkembangan ilmu baharu.

"Baliklah dengan pesanan ini, budaya kita budaya Melayu itu sendiri tamadun kita hanya berkembang dengan kekuatan ilmu.

"Mahu maju, mahu jadikan negara ini negara MADANI, tingkatkan ilmu, bersaing dengan negara lain, dengan semangat membaca untuk menambah ilmu Malaysia akan berubah wajah sebagai negara hebat," katanya.

Anwar turut berkata, budaya generasi masa kini yang mudah terpukau dengan kupasan idea secara ringkas dan tidak lengkap di media sosial membimbangkan.

Beliau berkata, sesuatu idea atau isu seperti ekonomi, dasar-dasar negara, idealisme perjuangan perlu dikupas secara mendalam dan memerlukan banyak pandangan kompleks untuk dirumuskan mengambil kira konsep Al-Kuliyah.

"Konsep Kuliyah itu iaitu perlu ilmu perlu dikuasai sedalam dan seluasnya, bukan hanya kupasan beberapa minit di dalam media sosial dan dirumuskan dalam satu tazkirah di dalam Tik Tok yang selama seminit dua sahaja," katanya.

Dalam majlis sama, Anwar meluluskan peruntukan RM250,000 kepada Yayasan Pembangunan Buku Negara.